

17 JUL 1999

MAHATHIR-EKONOMI

PM BANGGA M'SIA JAYA PULIHKAN EKONOMI CARANYA SENDIRI

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa bangganya kerana kegawatan ekonomi negara dapat diatasi dengan cara yang dicipta oleh rakyat Malaysia sendiri.

Beliau berkata, "kita bukannya sombong atau hendak mendabik dada tetapi kita percaya dan yakin kepada diri kita sendiri bahawa kita boleh menyelesaikan sebarang masalah kita mengikut cara kita atau stail kita sendiri.

Malah, banyak negara asing termasuk jiran yang dilanda ekonomi dunia berminat mengikut jejak langkah Malaysia, tetapi malangnya tangan mereka terikat dan mereka tidak bebas untuk bertindak, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Mesyuarat Agung Tahunan MCA yang ke-46 hari ini.

Malaysia telah memperkenalkan kawalan modal berpilih-pilih pada bulan September tahun lepas bagi menstabilkan ekonomi.

Perdana Menteri berkata mereka yang dahulu mengecam Malaysia kini terpaksa menarik balik kecaman mereka, malah yang dahulu bermati-matian mengkritik negara, kini dikritik pula kerana telah memberi ramalan ekonomi yang salah terhadap negara, yang secara tidak langsung merugikan pelabur asing yang berminat untuk melabur di Malaysia.

Sebagai contohnya, beliau berkata penganalisis ekonomi asing, media asing, agensi penarafan kredit asing, Bank Dunia dan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) yang dahulunya kuat mengkritik negara dan meramalkan Malaysia sedang menuju kehancuran, kini bersetuju bahawa cara dan pendekatan kita adalah baik dan mampu berjaya.

"Dan sekarang, Kumpulan 8 sedang membincangkan bagaimana mengawal pedagang matawang dan membentuk rejim kewangan dunia yang baru, yang mana kita telah syorkan awal-awal lagi," kata beliau.

Dr Mahathir menegaskan kawalan matawang secara berpilih-pilih dan sementara, penetapan kadar ringgit kepada RM3.80 sedolar Amerika dan kawalan pelaburan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur telah berjaya menstabilkan kedudukan ekonomi negara.

Beliau berkata mengikut unjuran Bank Negara, berdasarkan data-data dan kajian maklumat ekonomi, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar bagi tahun ini dijangka mungkin lebih daripada satu peratus.

Bagaimanapun, kerajaan ingin mengambil pendirian konservatif dengan mengunjurkan pertumbuhan KDNK akan tetap pada mencapai sekitar satu peratus dan meningkat sehingga lima peratus pada tahun hadapan.

Sementara itu, pada persidangan akhbar yang diadakan kemudian, beliau berkata, negara-negara yang dibantu oleh IMF berjaya memulihkan ekonomi mereka kerana tidak menurut sepenuhnya syarat-syarat yang diminta oleh (IMF).

"Mereka (negara-negara berkenaan) kata mereka telah pulih dan kita percaya memang ada berlakunya pemulihan, tetapi itu adalah disebabkan mereka membelakangkan nasihat dan arahan IMF," tegas beliau.

Thailand, umpamanya, kata beliau, tidak lagi menurut kehendak IMF menaikkan kadar faedahnya. -- BERNAMA

AA OS